



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
**MAJLIS PERASMIAN FRIM INC.**  
**INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA, KEPONG**  
**2 FEBRUARI 2018**

---

YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri (TPM) telah merasmikan FRIM Incorporated (FRIM Inc.) di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong pagi tadi.

Turut hadir di majlis ialah YB Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Datuk Ir. Dr Hamim Samuri, Timbalan Menteri NRE; Dato' Sri Azizan Ahmad, Ketua Setiausaha (KSU) NRE yang juga Pengerusi FRIM; Dato' Dr Abd Latif Mohmod, Ketua Pengarah (KP) FRIM, ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan di bawah NRE; rakan-rakan kerjasama FRIM, pemain-pemain industri, para pemegang taruh dan beberapa wakil daripada MBR.

FRIM Inc. ditubuhkan pada 4 Ogos 2017 sebagai anak syarikat FRIM bagi mentransformasikan hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk perkhidmatan teknikal FRIM kepada aktiviti komersialisasi untuk penjana pendapatan.

Berdasarkan tagline "*Discover Unlimited Potential*", FRIM Inc. akan beroperasi di bawah prospek seperti aktiviti pemasaran dan jualan produk-produk hasil R&D; perkhidmatan kepakaran dan kemahiran; perkhidmatan perlindungan harta intelek; khidmat teknikal berbentuk pemindahan teknologi dan latihan serta komersialisasi harta intelek di pasaran terbuka. Daripada keseluruhan aktiviti perniagaan FRIM Inc. yang bermula dari Disember 2017 hingga Januari 2018, syarikat ini dianggarkan memperoleh perniagaan bernilai RM1 juta.

Dalam ucapannya, YB Menteri NRE mengumumkan aspirasi Perdana Menteri (PM), YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak bagi penubuhan Hab Perabot Nasional di Lanchang, Pahang yang bakal dirasmikan pada akhir Februari atau Mac 2018. Hab Perabot Nasional ini akan dikendalikan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan penglibatan NRE dan FRIM serta merentasi semua kementerian dan agensi yang berkaitan, dengan tujuan melahirkan 500 jaguh usahawan Bumiputera khususnya untuk

terus berdaya saing dalam memantapkan industri perabot negara yang melebihi RM7 billion setahun.

Di majlis yang sama, KSU NRE yang merupakan Pengerusi FRIM dan Pengerusi FRIM Inc. turut mengumumkan nama dua spesies tumbuhan bukit batu kapur yang dinamakan sempena YAB TPM dan YB Menteri NRE iaitu ***Gymnostachyum ahmadzahidianum*** dan ***Impatiens feonajunaidiana***. FRIM menamakan kedua-dua spesies tumbuhan tersebut sedemikian sebagai menghargai sokongan yang diberi oleh YAB TPM dan YB Menteri NRE terhadap usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti khususnya di kawasan batu kapur. Kesemua spesies ini dikategorikan sebagai spesies yang amat terancam. Manakala **nama pokok sempena Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula, akan umumkan di dalam program bersama Yang Amat Berhormat dalam jangka masa terdekat nanti.** Pakar botani FRIM sedang menyediakan manuskrip lengkap dengan deskripsi dan ilustrasi ketiga-tiga spesies tumbuhan ini untuk diterbitkan dalam jurnal saintifik antarabangsa.

YAB TPM juga merasmikan **Villa Junaidiana iaitu pusat operasi FRIM Inc.** yang turut dinamakan sempena YB Menteri NRE sebagai penghargaan sokongan dan sumbangan beliau terhadap FRIM.

YAB TPM juga menyaksikan penyampaian sijil-sijil pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBR) kepada FRIM. Sempena sambutan ulang tahun ke-33 tahun ini, FRIM telah mendapat 33 pengiktirafan yang direkodkan dalam MBR. Antara beberapa pengiktirafan yang terkini termasuk lima yang dianugerahkan kepada KP FRIM; satu kepada pasukan penyelidik yang diketuai oleh Dr Lee Chai Ting dan satu lagi oleh pasukan penyelidik diketuai Dr Hamdan Husain.

KP FRIM menerima lima anugerah MBR antaranya sebagai Saintis Perhutanan Pertama menerima Anugerah Saintis Muda Negara; Saintis Perhutanan Pertama menerima dua Anugerah Sains Kebangsaan dan Saintis Perhutanan termuda di dunia dan Malaysia yang menerima Anugerah Pencapaian Saintifik Antarabangsa ketika berusia 34 tahun.

Selain itu, YAB TPM turut merasmikan 'Mobile Wood Identification System' (MyWood-ID) iaitu satu aplikasi pengecaman kayu menggunakan telefon pintar. MyWood-ID dibangunkan oleh saintis Makmal Anatomi Kayu FRIM yang diketuai oleh Dr Nordahlia Abdullah Siam dengan kerjasama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). MyWood-ID yang dijangka dapat mengecam 100 jenis kayu tempatan ini adalah cepat, tepat, melibatkan kos yang rendah serta mesra pengguna.

*Makluman lanjut:*

*Toh An Nee (012-2506897/[annee@frim.gov.my](mailto:annee@frim.gov.my))*

*Lim Chung Lu (017-479687/[limchunglu@frim.gov.my](mailto:limchunglu@frim.gov.my))*

*Fatin Nadiah Ahmad (018-2720764/[fatinnadiaahmad@gmail.com](mailto:fatinnadiaahmad@gmail.com))*